

Newspaper	AMANAHA
Date	20 NOVEMBER 2016



*Tun Dr Mahathir penuh keyakinan penggunaan satu logo, satu manifesto bakal memenangkan Pakatan Harapan dalam pilihan raya umum akan datang. Mohamad Sabu pula yakin, dengan cara ini, Pakatan menjadi parti terkuat.*

## Pakatan Harapan parti terkuat dengan satu logo

**CADANGAN** Tun Dr Mahathir Mohamad agar parti pembangkang, PKR, DAP, Amanah dan Bersatu bertanding di bawah satu logo disambut baik oleh peserta Konvensyen Pakatan Harapan pertama termasuk pemimpin mereka.

Bahkan, Presiden AMANAHA, Mohamad Sabu penuh yakin langkah itu akan menjadikan Pakatan Harapan parti terkuat.

"Memanglah elok bertanding guna satu logo. Semua parti pembangkang mengakui tidak kuat jika bersendirian.

"Kalau semua bergabung kita akan jadi parti terkuat di Malaysia. Inilah yang rakyat taruh harapan," kata Mohamad ketika berucap di Konvensyen Pertama Pakatan Harapan di Shah Alam hujung minggu lalu.

Menurut beliau, jika semua bersetuju, ini adalah cara terbaik untuk melawan Barisan Nasional yang menggunakan satu logo.

Mohamad juga berkata, jangan ada di kalangan parti Pakatan Harapan nanti yang mahu menjadi 'king maker'.

"Jangan kita kata kita nak jadi king maker, kalau sebelah sini jadi kerajaan kita bersama yang ini, kalau di sana jadi kerajaan kita bersama mereka.

"Kalau nak, ikat perjanjian betul-betul. Setia sebelum pilihan raya, semasa pilihan raya, selepas pilihan raya," kata beliau diper-

*Amamah - 20/11/2016*  
cayai menyindir sebuah parti yang mahu jadi king maker dalam pilihan raya nanti.

Sebelum beliau, Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli berjanji akan membawa cadangan penggunaan satu logo ke Sekretariat Pakatan Harapan dengan segera untuk dikaji dari segi pelaksanaannya.

Tun Dr Mahathir ketika berucap pagi tadi mengulangi cadangannya agar kesemua parti Pakatan Harapan dan Bersatu menggunakan satu logo dalam PRU ke 14 nanti.

"Kalau kita nak kalahkan BN satu cara sahaja iaitu dengan bersatu. Kita daftar seolah-olah satu parti, kita guna satu simbol. Kita letak satu calon. Tak kira DAP ke, AMANAHA ke, PKR ke...asalkan itu calon kita.

"Hanya dengan cara itu kita akan dapat kemenangan," katanya.

"Kita perlu guna satu logo hilangkan identiti parti masing-masing untuk pilihan raya sajalah, pakai satu simbol," kata Mahathir ketika berucap sesi sebelah pagi tadi.

Sebelum ini, menjelang pilihan raya umum 2013 lalu, DAP pernah bersedia menggunakan logo Pas di Semenanjung dan logo PKR di Sabah dan Sarawak.